

Projek landasan berkembar jana aktiviti hiliran bernilai RM15 bilion

KUALA LUMPUR - Projek landasan berkembar elektrik Ipoh-Padang Besar, dijangka menjana aktiviti ekonomi hiliran bernilai RM15 bilion dalam tempoh lebih lima tahun, kata Pengarah MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd, Datuk Azmi Mat Nor.

Azmi berkata, projek itu menawarkan kesan berganda serta merta terhadap ekonomi negara walaupun wujud situasi kewangan yang sukar ketika ini.

Beliau berkata, projek landasan sepanjang 329 kilometer melalui empat negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis, itu mengaji 7,000 pekerja dan seramai 6,000 lagi dijangka ditawarkan pekerjaan dalam tempoh empat lima bulan lagi.

Pada masa ini, 90 peratus daripada pekerja terdiri daripada rakyat tempatan dengan jumlah gaji melebihi RM2 bilion, katanya kepada pemberita pada taklimat di sini.

Azmi berkata, kira-kira 21.4 peratus daripada projek bernilai RM2.8 bilion itu sudah disiapkan dalam tempoh 15 bulan.

"Kami ada empat tahun lagi. Kami jangkakan projek itu siap menjelang 7 Jan, 2013," katanya.

MMC-Gamuda sudah mengagihkan kira-kira 400 kontrak kepada 1,600 kontraktor dan 100 kontrak bernilai RM2 bilion lagi secara berperingkat hingga akhir suku pertama 2010.

- BERNAMA

gaji
RM2 bilion